

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 OCTOBER 2016

Tautan Dr. Mahathir, Anwar paling pelik

Um - 30/10/2016

FOKUS



Oleh **ZULKIFLI JALIL**
pengarang@utusan.com.my

BERTAUTNYA kembali Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan seterusnya yang dulu orang harapan, Datuk Seri Anwar Ibrahim antara kisah politik paling panas dan mengejutkan tahun ini.

Salah satu amalan tidak disenangi ramai kalangan pemimpin UMNO pada awal Dr. Mahathir, 91, naik sebagai Perdana Menteri pada awal 1980-an ialah apabila beliau membawa bersama Anwar ke dalam parti itu.

Anwar kemudian dan seterusnya 'meloncat naik ke rumah tanpa melalui tangga dan pintu'. Kenaikannya dalam parti dan kerajaan begitu pantas sehingga ramai beranggapan dia dikehendaki pucuk pimpinan Dr. Mahathir secara terang-terangan.

Sejarah sedia ada menunjukkan bahawa UMNO jarang bergolak lantaran dasar, tetapi kerap goyang kerana pemimpinnya. Anwar contohnya yang secara langsung tanpa tradisi, dilonjakkan sehingga naik ke mercu kedudukan tanpa melalui proses asuhan yang lazimnya dilalui oleh pemimpin yang telah teruji.

Mereka yang dianggap tidak bertangga naik, berjenjang turun tidak mungkin kekal.

Dalam kes Anwar, 68, ini sudah terbukti apabila pada 1997, beliau memutuskan untuk 'menibai' ketua yang menatangnya bagaikan minyak penuh.

Perangai dan nafsu terpen-



ANWAR IBRAHIM

Sejarah sedia ada menunjukkan bahawa UMNO jarang bergolak lantaran dasar, tetapi kerap goyang kerana pemimpinnya."

damnya terserlah kepada pengetahuan umum sehingga Dr. Mahathir terpaksa mengambil tindakan menyalahkan beliau pada 2 September 1998 sebagai bakal pemimpin kerajaan dan parti.

Tetapi 'politik tetap politik'. Akhirnya pada 5 September lalu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, selepas permusuhan selama 18 tahun tiga hari, bekas Perdana Menteri itu melakukan pertemuan dengan Anwar yang 'ditibai' teruk dalam siri empat pilihan raya umum lalu.